

**SEMINAR KEBANGSAAN GEOGRAFI 2007**

“DUNIA TANPA SEMPADAN”

8 - 9 SEPTEMBER 2007

(Anjuran : Jabatan Geografi, FSSK Universiti Pendidikan Sultan Idris)

**PERSEPSI PENGUSAHA HOTEL PANTAI TERHADAP  
PENGURUSAN ZON PINGGIR PANTAI PELANCONGAN DI PULAU PINANG**

oleh

Jabil Mapjabil  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Pulau Pinang  
[bill@usm.my]

**ABSTRAK**

Pengurusan zon pinggir pantai pelancongan yang berjaya bukan sahaja terletak di tangan pihak kerajaan tempatan mahupun persekutuan. Terdapat beberapa pihak berkepentingan lain yang turut memainkan peranan penting seperti penyertaan penduduk tempatan, pelancong, operator pelancongan, pengusaha hotel dan pelbagai agensi swasta lain. Di bahagian utara Pulau Pinang, zon pinggir pantai yang menganjur dari Tanjung Tokong ke Tanjung Bungah telah direzabkan khusus sebagai zon pelancongan dalam plan pembangunan negeri tersebut. Terdapat lebih 10 buah hotel bertaraf antarabangsa yang terdapat di sepanjang zon pinggir pantainya. Artikel ini akan meneliti tentang persepsi pengusaha hotel pantai terhadap impak pembangunan pelancongan. Ciri profil hotel dan ciri pelancong yang menginap di hotel merupakan elemen penting dalam menentukan persepsi mereka terhadap pembangunan zon pinggir pantai pelancongan dan pengurusannya. Ia meliputi aspek aduan pelancong yang menginap, sistem pembuangan sampah dan kumbahan, usaha penganjuran aktiviti berkaitan alam sekitar dan keterlibatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Jabatan Alam Sekitar dan polis pelancong khususnya yang berhubungkait dengan pengurusan zon pinggir pantai. Dapatan terhadap persepsi pengusaha hotel ini adalah amat mustahak dalam usaha mewujudkan suatu sistem pengurusan zon pinggir pantai bersepadu untuk pembangunan pelancongan negeri ini khususnya dan Malaysia amnya.

## 1.0 PENGENALAN

Isu pembangunan pelancongan yang membawa padah kepada persekitaran fizikal pantai telah mencetuskan kesedaran terhadap peri pentingnya mewujudkan suatu sistem pengurusan zon pinggir pantai yang cekap dan bersepadu. Daripada segi latar belakang sejarah, bibit kesedaran terhadap alam sekitar sebenarnya bermula di Amerika Syarikat pada tahun 1969 apabila termaktubnya Akta Polisi Alam Sekitar (*Environmental Policy Act*). Pelaksanaan sistem pengurusan zon pinggir pantai amat penting dalam rangka merealisasikan pembangunan pelancongan yang berterusan di zon produktif tersebut. Berhubung dengan itu, penggunaan konsep daya tampung pantai telah dikaji (Pearce & Kirk 1986) manakala Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) telah diaplikasikan secara lebih kerap selepas itu. Panduan kepada penilaian pelancongan sebagai sumber pantai turut mendapat perhatian para penyelidik (Snedaker & Getter 1985 dan Carpenter & Margos 1989). Penyelidikan perancangan alam sekitar untuk tujuan pelancongan pula dikaji oleh Inskeep (1991).

Isu pelancongan dan alam sekitar di zon pinggir pantai telah menjadi fokus beberapa perbincangan ilmiah semasa. Ia meliputi beberapa isu tentang persekitaran zon pinggir pantai dan pelancongan dalam siri Persidangan Zon Pinggir Pantai (CZC) yang dikendalikan dalam bentuk forum dan seminar. Diskusi yang lebih menjurus kepada isu pelancongan - alam sekitar telah dilaksanakan di Persidangan Zon Pinggir Pantai 1991 dengan tema 'Zon Pinggir Pantai Dunia' yang menumpukan kes Jepun, Caribbean serta California. Malah program pengurusan zon pinggir pantai di kebanyakan negara sedang membangun seperti Hindia Barat, Pasifik Selatan dan Asia Tenggara turut diberi liputan. Pengurusan dan perancangan alam sekitar diaplikasikan di pelbagai kawasan zon pinggir pantai, contohnya pinggir pantai Heritage di Britain (Edwards 1987).

Meskipun suatu rangka kerja yang sistematik bagi pelancongan di zon pinggir pantai masih belum tersedia dan terlaksana sepenuhnya, pelancongan

pantai tetap menjadi tumpuan bagi sekurang-kurangnya satu program persidangan antarabangsa dan pelbagai hasil penyelidikan yang diterbitkan dalam beberapa jurnal yang berkaitan (Miller & Auyong 1991). Isu pembangunan pelancongan berterusan atau mapan mula mendapat liputan yang meluas dan serius dalam pelbagai wacana selepas pertengahan tahun 1990an (Stancliffe 1995; Pigram & Salah Wahab 1997; Valls 1997 dan Mowforth & Munt 1998).

Menurut Yap (1996), untuk mencapai pengurusan zon pinggir pantai yang bersepadu, ia perlu memelihara kualiti hidup masyarakat yang tinggal di pesisir pantai. Di kebanyakan negara sedang membangun, ledakan pertumbuhan penduduk telah mendorong ke arah pengeksploitasian sumber alam sehingga melebihi kapasiti daya tampungnya. Sistem pengurusan pantai hendaklah melibatkan aspek alam semulajadi dan sains sosial. Kajian alam sekitar membantu dalam menerangkan dinamika sumber alam agar ia kekal berterusan. Aspek sains sosial pula melibatkan politik, ekonomi dan sosiologi. Dengan mengambil kes Filipina, pengurusan zon pinggir pantai yang berjaya melibatkan beberapa pihak yang berkepentingan. Pertama, komuniti saintifik yang diwakili oleh Institut Sains Marin dan institusi lain yang bekerjasama dengannya. Kedua, kerajaan peringkat daerah yang merujuk kepada Presiden Republik iaitu daripada aspek perlaksanaannya. Ketiga, kerajaan peringkat perbandaran yang terlibat dalam membuat keputusan. Akhir sekali, masyarakat bandar yang menjadi penggerak kepada pihak yang disebutkan sebelumnya.

Di Brunei Darussalam, lebih 80% daripada keluasan negara ini diliputi hutan, beserta dengan hutan bakau, ekosistem pinggir pantai dan sumber boleh diperbaharui yang lain (Matdanan & De Silva 1991). Ia didapati masih terpelihara kerana tidak mengalami pengeksploitasian berlebihan. Ini memandangkan tumpuan ekonomi negara lebih kepada aktiviti perlombongan petroleum dan gas asli sahaja. Pihak kerajaan mempunyai kesedaran dan perancangan jangka panjang dengan memberi tumpuan kepada aspek pemeliharaan alam sekitar. Tambahan pula, lebih 85% daripada penduduk Brunei tinggal berdekatan

dengan zon pinggir pantai. Dengan itu, wujud keperluan untuk menyediakan suatu sistem pengurusan zon pinggir pantai yang bersepadu. Kerangka sistem pengurusan zon pinggir pantai Brunei melibatkan konsep perancangan menyeluruh dan keperluan pembangunan berterusan. Untuk itu, terdapat dua polisi digunakan sebagai panduan; aplikasi pengetahuan dan teknologi saintifik dalam pengeluaran hasil sumber alam dan menguatkan jaringan institusi serta perundangan bagi menjadikan pengurusan persekitaran pantai lebih bersifat holistik dan berintegrasi.

Penggunaan sumber zon pinggir pantai yang berlebihan didorong oleh kepesatan pertumbuhan penduduk bandar pesisir pantai. Di Mexico, antara industri utama yang tertumpu di zon dinamik ini ialah perlombongan gas dan petroleum, industri kimia dan galian, perikanan, pertanian, pelancongan, pengangkutan maritim dan pelabuhan. Untuk itu, kerajaan negara ini telah membangunkan kerangka perundangan alam sekitar berasaskan *El Ley General del Equilibrio y la Proteccion al Ambiente* (LGEEPA). Terdapat tiga strategi pengurusan yang dilaksanakan, iaitu; kepimpinan agensi, kawasan perlindungan dan ordinar tanah (Rivera-Arriaga et al. 2001). Ia melibatkan penyelidikan saintifik terhadap sumber alam dan ekosistem serta isu-isu sosio-ekonomi. Dalam hal ini, Mexico memerlukan pendekatan multidisiplin dan holistik untuk mencapai pembangunan zon pinggir pantai yang berterusan.

Di Turki, beberapa institusi, perundangan dan peraturan telah ditubuhkan dalam menangani isu-isu pengurusan zon pinggir pantai. Namun begitu, perundangan yang sedia ada bersifat sektoral, mengalami pertindihan tanggungjawab, komunikasi yang tidak cekap dan kurangnya kerjasama yang berkesan antara pihak agensi kerajaan negeri, kerajaan pusat dan majlis tempatan (Ozhan 1996). Untuk itu, pelbagai kajian dan usaha pembangunan dalam dekad terakhir ini dijalankan demi untuk memperbaiki amalan pengurusan zon pinggir pantai agar lebih bersifat sepadu. Apatah lagi, masalah dominasi yang keterlaluan pada satu-satu sektor, contohnya pelancongan berbanding

dengan pelbagai kegunaan lain zon pinggir pantai yang membawa kepada suatu keadaan yang tidak kondusif bagi suatu pengurusan yang bersepadu.

Pelan pengurusan zon pinggir pantai bagi kes Ban Don Bay dan Phangnga Bay di Thailand dilaksanakan kesan daripada penerokaan sumber pantainya secara pesat dan berlebihan untuk pembangunan ekonomi khususnya aktiviti pelancongan dan akuakultur (Micheal & Gregor 2001). Dalam dekad terakhir ini, kerajaan telah membina lebih banyak projek infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan industri berat dan perusahaan di zon pinggir pantai. Senario ini menyebabkan wujudnya konflik gunatanah. Pencemaran sisa industri dan penerokaan pantai menyebabkan berlakunya peningkatan hakisan tanah dan sedimentasi marin yang memusnahkan pertumbuhan batu karang di luar pesisir pantai. Malah projek akuakultur telah memusnahkan paya bakau yang menjadi tempat pembiakan semulajadi ikan dan udang. Kerajaan dan beberapa pihak berkepentingan telah berusaha untuk menangani masalah ini. Namun, strategi pengurusan persekitaran yang dilaksanakan adalah lebih bersifat sektoral. Suatu pelan pengurusan zon pinggir pantai bersepadu dirangka dengan menjadikan Ban Don Bay dan Phangnga Bay sebagai kes kajian. Pelan pengurusan zon pinggir pantai ini melibatkan empat aspek iaitu pengurusan kualiti air laut dan pantai untuk perikanan, hutan bakau, akuakultur dan gunatanah. Setiap satunya melibatkan peranan suatu jabatan khusus yang mengetuai operasi pengurusan dan dibantu oleh beberapa agensi lain secara berintegrasi.

Usaha menyediakan suatu pelan pengurusan zon pinggir pantai untuk fokus pembangunan tertentu juga turut dilakukan dalam kes Segara Anakan-Cilacap, Jawa Indonesia (Suharyadi Salim 2001). Kawasan Segara Anakan-Cilacap dipilih kerana kawasan ini kaya dengan sumber ekonomi dan ekologi. Ini akan mendorong penerokaan oleh aktiviti manusia pada masa hadapan. Malah, ia satu-satunya hutan paya bakau terbesar yang terdapat di Pulau Jawa dan kerana keunikan ekosistem zon pantainya yang dikenali sebagai *a semi-landlocked brackish-water embayment*. Isu pengurusan persekitaran yang

dikenalpasti untuk kawasan kajian ini melibatkan kualiti air laut, eksploitasi sumber dan komitmen institusional. Di antara strategi pengurusan zon pinggir bersepadu yang dilaksanakan termasuklah pembentukan kriteria pengurusan zon marin dan daratan untuk keperluan semasa dan masa depan, menentukan asas perundangan dan institusi bagi menguruskan kedua-dua zon tersebut, menyediakan garis panduan untuk pengurusan lagun perikanan dan hutan paya bakau, meningkatkan usaha pemantauan kualiti air laut dan penglibatan masyarakat serta kerajaan tempatan.

Keperluan untuk membentuk dan melaksanakan pelan pengurusan zon pinggir pantai bersepadu di Teluk Lingayen Filipina dicetuskan kesan daripada peningkatan konflik gunatanah, pengurangan sumber alam serta isu kemerosotan kualiti air laut sekitarnya (Guarin 1991). Teluk Lingayen dikenali sebagai kawasan perikanan dan pelancongan di wilayah utara Filipina. Pada masa yang sama, teluk ini juga merupakan kawasan tadahan bagi beberapa sungai utama di wilayah itu dan terdedah kepada masalah pencemaran akibat pembuangan sisa kumbahan domestik, sisa logam daripada aktiviti perlombongan dan masalah pemendapan sedimen kesan daripada aktiviti pembalakan dan perlombongan. Pihak berkuasa dalam pengurusan kualiti persekitaran telah merangka pelan jangka pendek dan jangka panjang untuk menangani masalah pencemaran air laut di teluk ini. Cadangan bagi mengurus pencemaran air laut dan pantai termasuklah penyediaan pelan utama sistem pembuangan sisa kumbahan wilayah, pemantauan kualiti air laut di enam sistem sungai utama yang menghala ke Teluk Lingayen. Manakala bagi mengatasi masalah pemendapan sedimen yang berlebihan di zon pantai, usaha tambahan dilaksanakan melalui program pemantauan dan penguatkuasaan operasi perlombongan, pemantauan epidemiologi, pembinaan sistem pembuangan sisa pepejal pilot untuk pusat bandar serta kempen pendidikan-informasi terhadap isu perlindungan alam sekitar.

Usaha menguruskan zon pinggir pantai turut dikaji oleh Salmona dan Verardi (2001) dengan menjadikan pantai Semenanjung Portofino yang menganjur sejauh 13 km di sepanjang barat laut pantai Itali sebagai kes kajian. Ia merupakan sebuah jaluran pantai yang kasar, bercerun curam dan kaya dengan biodiversiti ekosistem daratan dan marin. Pada tahun 1935, zon daratannya telah dijadikan kawasan perlindungan bagi mengelakkan pembangunan bandar dan pelancongan yang semakin pesat dan meluas. Pada masa kini, aktiviti ekonomi bandar kecil di kawasan ini adalah berasaskan pelancongan elit dan rekreasi bot yang utama di Itali. Berdasarkan analisis gunatanah dan impaknya terhadap ekosistem zon pinggir pantai, didapati aktiviti ini telah membawa kepada kemerosotan kualiti persekitarannya. Pada tahun 1998, kerajaan persekutuan telah menyediakan zon perlindungan marin di sekitar semenanjung ini. Beberapa kerajaan tempatan dan pihak yang berkepentingan di kawasan berkenaan menyuarakan kebimbangan mereka terhadap masa depan tarikan pelancongan Portofino. Terdapat dua alternatif berpotensi yang tersedia di kawasan ini iaitu; i) mengekalkan sistem tradisional dengan keuntungan ekonomi jangka pendek ataupun ii) memilih sistem pengurusan yang inovatif dan mesra alam untuk faedah ekonomi dan alam sekitar jangka panjang.

Isu perubahan strategi pengurusan zon pinggir pantai daripada bentuk sektoral kepada bersepadu dikaji dalam kes Xiamen, China (Chua et al. 1998). Pengurusan berintegritas ini dilaksanakan bagi mengawal masalah pencemaran air laut kesan daripada pembangunan ekonomi yang pesat. Penekanan strategi pengurusan adalah di peringkat tempatan khususnya dengan mewujudkan mekanisme pembuat keputusan di kalangan pihak berkepentingan serta input daripada elemen teknologi dan sains. Seterusnya, pembangunan institusi yang menyediakan kerangka kerja, peningkatan dan penguatkuasaan perundangan, pemantauan pencemaran marin merentasi sektor, menggalakkan penyertaan dan kesedaran awam serta daya tampung pembangunan yang berterusan. Berdasarkan analisis kritikal pengalaman lepas dan mengambilkira keadaan tempatan, pendekatan pengurusan pantai bersepadu yang dilaksanakan

termasuklah melibatkan kerajaan tempatan dan 22 buah agensi yang berkaitan dalam aktiviti pembangunan di kawasan kajian, memperkukuhkan struktur pengurusan air laut sedia ada, menggunakan kepakaran tempatan untuk menjana maklumat berkaitan, menggerakkan media tempatan untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar, memastikan integrasi dan kordinasi setiap fasa pembangunan, membangunkan mekanisme yang membolehkan interaksi di antara pengurus dan saintis untuk hasil penyelidikan yang berguna untuk perancangan masa hadapan.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Seterusnya bagi kaji selidik pengusaha hotel pantai, hampir kesemua hotel yang beroperasi di sepanjang wilayah utara pulau ini dikaji tidak termasuk apartmen, motel dan rumah tetamu yang beroperasi secara kecil-kecilan. Jadual 4.15 merupakan senarai hotel yang dikaji dan lokasinya.

JADUAL 4.15 Senarai hotel pantai dan lokasinya di kawasan kajian

<b>Hotel pantai</b>	<b>Lokasi</b>
1) Penang Mutiara Beach Resort	Teluk Bahang
2) Bayview Beach Resort	Batu Feringghi
3) Casuarina Beach Resort	Batu Feringghi
4) Parkroyal Resort	Batu Feringghi
5) Holiday Inn Resort	Batu Feringghi
6) Lone Pine Resort	Batu Feringghi
7) Shangri La Golden Sand Resort	Batu Feringghi
8) Raya Sayang Resort	Batu Feringghi
9) Feringghi Beach Resort	Batu Feringghi
10) Crown Prince	Tanjung Bungah
11) Paradise Sandy Bay	Tanjung Bungah
12) Copthorne Orchid Resort	Tanjung Bungah
13) Hotel Tanjung Bungah	Tanjung Tokong
14) Hotel Naza	Tanjung Tokong

Kaedah kaji selidik ke atas pengusaha hotel pantai dijalankan melalui dua cara iaitu penghantaran borang kaji selidik yang dijawab melalui pos dan sesi kaji selidik secara terus di hotel berkenaan dengan kakitangan bahagian sumber manusia dan

personel. Soalan kaji selidik dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu profil hotel yang melibatkan taraf hotel, bilangan bilik, tahun beroperasi serta kemudahan yang disediakan; ciri pelancong yang menginap di hotel seperti asal negeri dan negara pelancong, bulan paling tinggi dan paling rendah pelancong menginap serta alasan memilih Pulau Pinang sebagai destinasi percutian; sistem pengurusan persekitaran pantai pelancongan yang meliputi aduan pelancong terhadap persekitaran pantai, sistem pembuangan sampah dan kumbahan, penganjuran program alam sekitar dan kekerapan menghubungi MPPP, JAS dan polis pelancong.

### iii) Teknik Pengumpulan data pengurusan persekitaran

Teknik pengumpulan data bagi aspek pengurusan persekitaran iaitu melalui sesi kaji selidik dan temu bual. Tinjauan pakar dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang jelas, tepat dan terperinci tentang institusi tertentu. Ia melibatkan individu yang arif terhadap segala dasar dan pelaksanaan institusi berkenaan, sama ada oleh pegawai tertinggi ataupun diwakili oleh pegawai di bawah jagaannya. Temubual pakar terhadap jabatan dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang organisasi pentadbiran serta sistem pengurusan alam sekitar semasa yang dipraktikkan. Seterusnya, meneliti sejauh mana penguatkuasaan peraturan dan akta dilaksanakan sama ada turut melibatkan isu zon pinggir pantai dan pelancongan di negeri ini. Untuk itu, terdapat dua jabatan utama yang terlibat iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang. Satu set soalan temubual disediakan, namun soalan diajukan secara santai dan terbuka.

Bagi sesi kaji selidik, daripada 34 senarai jabatan yang disenaraikan oleh Pusat Kajian Pantai dan Samudera (CEMACS) USM yang terlibat dengan pengurusan alam sekitar Pulau Pinang, sebanyak 16 buah agensi dipilih kerana keterlibatan khusus mereka dalam aspek zon pinggir pantai dan pelancongan. Jadual 4.16 merupakan senarai jabatan yang dikaji dan bidang kuasanya.

JADUAL 4.16 Senarai jabatan dan bidang kuasanya

Jabatan / agensi	Bidang kuasa
1) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)	Kerajaan tempatan
2) Majlis Tindakan Pelancongan Pulau Pinang	Kerajaan negeri

3) Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang	Persekutuan
4) Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang	Persekutuan
5) Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang	Persekutuan
6) Jabatan Ukur dan Pemetaan Pulau Pinang	Bersama
7) Jabatan Laut Wilayah Utara Pulau Pinang	Bersama
8) Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia	Bersama
9 Institut Penyelidikan Sosio-ekonomi & Alam Sekitar	Kerajaan negeri
10) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA)	Swasta
11) Indah Water Konsortium Berhad (IWK)	Swasta
12) Penang Port Sdn Bhd	Swasta
13) Persatuan Pengguna Pulau Pinang	NGO
14) Sahabat Alam Malaysia	NGO
15) Water Watch Penang	NGO
16) Pusat Kajian Pantai dan Samudera (CEMACS)	Badan berkanun

---

Kaedah kaji selidik terhadap pegawai jabatan dijalankan melalui dua cara iaitu penghantaran borang kaji selidik yang dijawab melalui pos dan sesi kaji selidik secara terus di jabatan berkenaan dengan pegawai bahagian sumber manusia, personel ataupun bahagian penyelidikan. Soalan kaji selidik dikategorikan kepada empat bahagian iaitu profil jabatan, keterlibatan agensi dalam aspek alam sekitar, zon pinggir pantai dan pelancongan, pemilikan laman web serta strategi pengurusan pantai pelancongan secara bersepadu; kebaikan, masalah dan langkah mengatasinya.